



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 72  
No. 21

**10hb Oktober 2019**

*TAMBAHAN NO. 7  
PERUNDANGAN*

---

**Tr. P.U. 10.**

## **ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016**

### **PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN WAKAF (TERENGGANU) 2019**

---

#### **SUSUNAN PERATURAN**

##### **BAHAGIAN I**

##### **PERMULAAN**

##### *Peraturan*

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### **BAHAGIAN II**

##### **TATACARA PENDAFTARAN WAKAF**

3. Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah pindah milik
4. Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah peletakhkan

5. Pendaftaran wakaf bagi harta alih
6. Pendaftaran wakaf bagi harta ‘*wakaf muaqqat*’
7. Pendaftaran wakaf bagi harta ‘*wakaf irsod*’
8. Pendaftaran wakaf secara wasiat

### BAHAGIAN III

#### TATACARA BAGI PERWAKAFAN KHAS

9. Pendaftaran wakaf kepada waris
10. Pendaftaran wakaf khas bagi tapak masjid
11. Pendaftaran wakaf khas bagi tapak surau
12. Pendaftaran wakaf khas bagi tapak perkuburan Islam
13. Pendaftaran wakaf khas tapak bagi lain-lain kegunaan

#### JADUAL

BORANG 1 (Borang permohonan wakaf harta tak alih)

BORANG 2 (Borang permohonan wakaf harta alih)

BORANG 3 (Borang wakaf secara wasiat)

## **ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016**

### **PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN WAKAF (TERENGGANU) 2019**

**PADA** menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 55(2)(a) dan (g) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 [*Enakmen No. 1 Tahun 2016*], Majlis dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

#### **BAHAGIAN I**

##### **PERMULAAN**

###### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

###### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016;

“Harta Alih” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Enakmen;

“Jawatankuasa Masjid” ertinya sebagaimana yang diberikan di bawah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M;

“Peletakhakan” ertinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 416 C Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*];

“Pendaftar Wakaf” ertinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 11(1)(c) Enakmen;

“Pentadbir Tanah” ertinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*];

“Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019;

“Pindah Milik” ertinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 215 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56*];

“Wakaf kepada waris” ertinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 35(1) Enakmen.

**BAHAGIAN II****TATACARA PENDAFTARAN WAKAF****Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah pindah milik**

3. Kaedah pendaftaran ini hendaklah dilaksanakan melalui Borang 14 A Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] dan mengisi Borang 1 serta Borang 3 dalam Jadual sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan ini.

**Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah peletakhkan**

4. (1) Pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah peletakhkan ini melibatkan tanah-tanah yang tidak boleh dipindahmilik melalui kaedah yang ditetapkan dalam Peraturan 3.

(2) Kaedah pendaftaran di bawah Peraturan ini hendaklah dilaksanakan melalui surat rasmi daripada Pendaftar Wakaf kepada Pentadbir Tanah dengan mengisi Borang 1 Jadual dalam Peraturan ini.

**Pendaftaran wakaf bagi harta alih**

5. (1) Apa-apa harta alih hendaklah mempunyai pemilikan yang sah mengikut hukum syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa tersebut.

(2) Harta alih yang boleh didaftarkan sebagai wakaf hendaklah memenuhi rukun-rukun wakaf yang telah ditetapkan oleh syarak dan harta tersebut juga hendaklah-

- (i) boleh dimanfaat sebaik sahaja diwakafkan;
- (ii) bebas dari sekatan di bawah gadaian, tanggungan oleh pihak lain dan sebagainya;
- (iii) digunakan hanya terhad mengikut ikrar *waqif* sahaja;
- (iv) terpakai setakat mana ia boleh diambil manfaat;
- (v) didaftarkan dengan mengisi Borang 2 Jadual;
- (vi) dipindahmilik kepada Majlis sekiranya mempunyai dokumen atau geran pendaftaran; dan
- (vii) segala hak penjagaan, mengurus dan segala perkara berkaitan dengannya, adalah di bawah seliaan para *mauquf alaih*, manakala segala urusan rekod dan pendaftaran adalah di bawah seliaan pihak Majlis.

(3) Peraturan ini adalah tidak terpakai bagi maksud wakaf saham, wang, emas dan perak.

#### **Pendaftaran wakaf bagi harta ‘*wakaf muaqqat*’**

6. (1) Tempoh sesuatu harta *wakaf muaqqat* bolehlah disyorkan oleh pihak *waqif* tetapi tertakluk sepenuhnya kepada keputusan Pendaftar Wakaf.

(2) Pendaftar Wakaf hendaklah sebaik sahaja *waqif* selesai mengisi Borang 2 Jadual memastikan bahawa—

(i) satu perjanjian ditandatangani di antara *waqif* dengan Majlis dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari daripada tarikh Borang 2 Jadual yang mengandungi tempoh kuat kuasa wakaf tersebut bagi harta alih; dan

(ii) Majlis boleh membuat permohonan untuk memasukkan Kaveat Amanah dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh Borang 2 Jadual sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 332 Kanun Tanah Negara 1965 bagi harta tak alih.

(3) Setelah tamat tempoh masa bagi suatu harta wakaf tersebut maka harta tersebut hendaklah kembali kepada pemilik asal.

(4) Jika *waqif* telah meninggal dunia dalam tempoh wakaf tersebut masih berkuat kuasa, maka harta tersebut hendaklah diteruskan sebagai harta wakaf sehingga tamat tempoh bagi wakaf tersebut.

(5) Walau apapun peruntukan Peraturan ini, Pendaftar Wakaf hendaklah mempunyai kuasa penuh terhadap apa-apa pelaksanaan dan pemakaian di bawah Peraturan ini.

#### **Pendaftaran wakaf bagi harta ‘*wakaf irsod*’**

7. (1) Pendaftaran *wakaf irsod* melibatkan penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan hendaklah dibuat melalui kaedah pemberimilikan tanah kerajaan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965.

(2) Bagi maksud perenggan (1), Majlis hendaklah mengemukakan permohonan sebagaimana peruntukan seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965.

(3) Tanah wakaf yang diwakaf selain daripada subperenggan (1) hendaklah melalui kaedah pendaftaran pindah milik di bawah peraturan 3 dalam Peraturan ini.

**Pendaftaran wakaf secara wasiat**

8. (1) Permohonan pendaftaran boleh dibuat oleh pewasiat melalui Borang 3 Jadual dalam Peraturan ini.

(2) Sebaik sahaja Majlis mengetahui kematian *waqif*, Majlis dengan segera mendapatkan maklumat *waqif* iaitu Sijil Kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses pendaftaran wakaf mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 atau keputusan pihak Mahkamah.

**BAHAGIAN III****TATACARA BAGI WAKAF KHAS****Pendaftaran wakaf kepada waris**

9. (1) Pendaftaran wakaf ini hendaklah dibuat melalui Borang 1 Jadual dalam Peraturan ini.

(2) Setiap permohonan bagi wakaf kepada waris hendaklah disertakan dengan penubuhan jawatankuasa wakaf untuk waris yang terdiri daripada—

- (i) Pengerusi;
- (ii) Timbalan Pengerusi;
- (iii) Setiausaha;
- (iv) Bendahari;
- (v) minimum tiga orang ahli jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa wakaf kepada waris hendaklah selepas selesai mesyuarat, mengemukakan minit mesyuaratnya kepada Majlis sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(4) Semua hasil manfaat wakaf hendaklah dikenakan zakat sebanyak 2.5 peratus pada setiap tahun.

**Pendaftaran wakaf khas bagi tapak masjid**

10. (1) Setiap wakaf khas bagi tapak masjid hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut—

- (i) keluasan tanah hendaklah tidak kurang daripada 3 ekar; dan
- (ii) tapak yang diwakaf hendaklah terletak di sebuah *qaryah* yang masih tiada lagi masjid.

- (2) Jika wakaf ini dibuat tidak memenuhi syarat-syarat di bawah perenggan (1), pendaftar wakaf bolehlah menukar *mauquf alaih* tersebut kepada manfaat masjid yang sedia ada.

### **Pendaftaran wakaf khas bagi tapak surau**

11. (1) Setiap wakaf khas bagi tapak surau hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut—

- (i) keluasan minimum tanah mestilah boleh dibina sebuah surau atau apa-apa keluasan lain yang difikirkan sesuai oleh pendaftar wakaf;
- (ii) jarak bagi wakaf tapak surau dengan Masjid dan surau sedia ada hendaklah tidak kurang daripada 500 meter dari semua arah.

(2) Jika wakaf ini dibuat tidak memenuhi syarat-syarat di bawah perenggan (1), Pendaftar Wakaf bolehlah menukar *mauquf alaih* tersebut kepada manfaat masjid yang sedia ada.

### **Pendaftaran wakaf khas bagi tapak perkuburan Islam**

12. (1) Majlis boleh menerima mana-mana permohonan wakaf khas tapak perkuburan dengan syarat-syarat berikut—

- (i) mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat setempat yang difikirkan perlu oleh Pendaftar Wakaf; dan
- (ii) mengambil kira pandangan daripada Jawatankuasa Khairat Kematian atau Jawatankuasa Masjid.

(2) Tujuan wakaf bagi tapak perkuburan Islam hendaklah dinyatakan secara umum.

### **Pendaftaran wakaf khas tapak bagi lain-lain kegunaan**

13. (1) Majlis boleh menerima mana-mana permohonan pendaftaran wakaf khas tapak bagi lain-lain kegunaan selagi tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(2) Pembangunan tanah wakaf tersebut hendaklah mengikut mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa tersebut.

(3) Majlis adalah tidak terikat dengan apa-apa bantuan kewangan untuk membangunkan tanah-tanah tersebut.

No. Siri

**JADUAL****BORANG 1**

**ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016**  
**( subseksyen 16(2) )**

**Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019**  
**(Peraturan 3,4 dan 9)**

**BORANG PERMOHONAN WAKAF HARTA TAK ALIH**

Sila sertakan:

- i) Salinan kad pengenalan;
- ii) Salinan geran;
- iii) Salinan resit bayaran cukai terkini;
- iv) Surat pentadbir; jika berkaitan;
- v) Salinan pelan tanah yang menunjukkan luas bahagian dan lokasi tanah wakaf yang dicadangkan; jika berkaitan atau
- vi) Lain-lain dokumen yang berkaitan.

**BAHAGIAN I**  
**MAKLUMAT WAQIF**

Nama: .....

Alamat Surat Menyurat: .....

..... Poskod: .....

No. Kad Pengenalan (Baru): ..... Lama: .....

No.Tel. (Rumah): ..... No. Tel. (Pejabat): .....

No. Tel. (Bimbit): .....

Nama Ahli waris yang boleh dihubungi: ..... (hubungan) .....

No. Tel: .....

**BAHAGIAN II**  
**MAKLUMAT MAUQUF**  
Harta Tak Alih \*(Tanah/Tanah Berserta Bangunan)

Bandar/Pekan/ Mukim	No. *Lot/ Petak/P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan Tanah Keseluruhan (Ekar/Hektar)	Bahagian Pemilikan (Jika ada)	Bahagian Diwakafkan (Ekar/Hektar/MP)	No. Berdaftar *pajakan/ pajakan kecil (jika ada)

**BAHAGIAN III**  
**MAKLUMAT MAUQUF ALAIH**

Tujuan wakaf:

Wakaf Am

Wakaf Khas .....

(Nyatakan)

**BAHAGIAN IV**  
**IKRAR WAKAF**

Adalah saya ..... (nama) dengan redha dan suci hati dengan ikhtiar dan tidak dipaksa oleh sesiapa pun mewakafkan \*tanah/tanah berserta bangunan saya seperintama di atas kerana Allah SWT. Sekiranya terdapat halangan untuk tujuan ini, maka pihak pentadbir (MAIDAM) berhak mengubah kepada wakaf am.

Tandatangan: .....

Tarikh: .....

**BAHAGIAN V**  
**MAKLUMAT SAKSI**

Di hadapan saksi-saksi:

**Saksi (1)**

Nama: .....  
Alamat Surat Menyurat: .....  
.....  
..... Poskod: .....  
No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**Saksi (2)**

Nama: .....  
Alamat Surat Menyurat: .....  
.....  
..... Poskod: .....  
No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**KEGUNAAN PEJABAT:**

Diterima Oleh:

.....

(Pendaftar Wakaf)

Tarikh: .....

No. Siri

**BORANG 2****ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016****Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019  
(Peraturan 5 dan 6)****BORANG PERMOHONAN WAKAF HARTA ALIH****BAHAGIAN I  
MAKLUMAT WAQIF**

Nama: .....  
 Alamat Surat Menyurat: .....

..... Poskod: .....  
 No. Kad Pengenalan (Baru): ..... Lama: .....  
 No.Tel. (Rumah): ..... No. Tel. (Pejabat): .....  
 No. Tel. (Bimbit): .....  
 Nama Ahli waris yang boleh dihubungi: ..... (hubungan) .....  
 No. Tel: .....

**BAHAGIAN II  
MAKLUMAT MAUQUF  
Harta Alih \*(kenderaan/dan lain-lain)**

Jenis harta	No. pendaftaran/rekod jika ada	Jenis kegunaan	Jangka masa bagi tempoh kegunaan	Nilai semasa

**BAHAGIAN III  
MAKLUMAT MAUQUF ALAIH**

Tujuan wakaf:

- Wakaf Am  
 Wakaf Khas .....  
 (Nyatakan)

**BAHAGIAN IV  
IKRAR WAKAF**

Adalah saya ..... (nama) dengan redha dan suci hati dengan ikhtiar dan tidak dipaksa oleh sesiapa pun mewakafkan harta seperti mana keterangan di atas kerana Allah SWT. Sekiranya terdapat halangan untuk tujuan ini, maka pihak pentadbir (MAIDAM) berhak menentukan apa-apa keputusan ke atas harta tersebut.

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**BAHAGIAN V**  
**MAKLUMAT SAKSI**

Di hadapan saksi-saksi:

**Saksi (1)**

Nama: .....  
Alamat Surat Menyurat: .....  
..... Poskod: .....  
No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**Saksi (2)**

Nama: .....  
Alamat Surat Menyurat: .....  
..... Poskod: .....  
No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**KEGUNAAN PEJABAT:**

Diterima Oleh:

.....  
(Pendaftar Wakaf)

Tarikh: .....

Bersama-sama ini disertakan:

- i) Salinan kad pengenalan;
- ii) Surat akuan bagi menyatakan harta tersebut merupakan hak milik pemohon;
- iii) Lain-lain keterangan jika berkaitan.

Tarikh: ..... Tandatangan:.....

No. Siri

## BORANG 3

ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016  
[Seksyen 32]

Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019  
(Peraturan 8)

**BORANG WAKAF SECARA WASIAT****BAHAGIAN I  
MAKLUMAT WAQIF**

Nama: .....  
Alamat Surat Menyurat: .....

..... Poskod: .....

No. Kad Pengenalan (Baru): ..... Lama: .....

No.Tel. (Rumah): ..... No. Tel. (Pejabat): .....

No. Tel. (Bimbit): .....

Nama Ahli waris yang boleh dihubungi \*(diutamakan ahli waris dalam kalangan asabah seperti anak, suami/isteri dan lain-lain): ..... (hubungan) .....

No. Tel: ..... Alamat Surat Menyurat: .....

**BAHAGIAN II  
HARTA YANG DIWASIAKAN**

Harta Tak Alih \*(Tanah/Tanah Berserta Bangunan)

Bandar/Pekan/ Mukim	No. *Lot/ Petak/P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan Tanah Keseluruhan (Ekar/Hektar)	Bahagian Pemilikan (Jika ada)	Bahagian Diwakafkan (Ekar/Hektar/MP)	No. Berdaftar *pajakan/ pajakan kecil (jika ada)

Harta Alih \*(kenderaan/dan lain-lain)

Jenis harta	No. pendaftaran/rekod jika ada	Jenis kegunaan	Jangka masa bagi tempoh kegunaan	Nilaian semasa

\*Wakaf secara wasiat kepada bukan waris tidak boleh melebihi 1/3 kecuali dengan persetujuan waris.

\*Wakaf secara wasiat kepada waris hendaklah mendapat persetujuan daripada semua waris.

**BAHAGIAN III  
TUJUAN WASIAT**

Tujuan Wasiat:

Wakaf Am

Wakaf Khas .....  
(Nyatakan)

**BAHAGIAN V**  
MAKLUMAT SAKSI

Di hadapan saksi-saksi:

**Saksi (1)**

Nama: .....  
 Alamat Surat Menyurat: .....  
 ..... Poskod: .....  
 No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**Saksi (2)**

Nama: .....  
 Alamat Surat Menyurat: .....  
 ..... Poskod: .....  
 No. Kad Pengenalan: ..... No. Telefon: .....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

**BAHAGIAN V**  
**AKUAN WAQIF**

Saya .....(nama) no. K/P ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa telah mewakafkan secara wasiat bagi harta kepunyaan milik saya sebagaimana keterangan di atas dan saya membuat akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960:

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut  
 namanya di atas .....  
 di .....  
 di dalam negeri .....  
 pada ..... 20.....

Di hadapan saya,

.....  
*(Tandatangan Hakim Mahkamah  
 Sesyen, Majistret atau Pesuruhaja Sumpah)*



**KEGUNAAN PEJABAT:**

Diterima Oleh:

.....  
 (Pendaftar Wakaf)

Tarikh: .....

Dibuat pada  
 [MAIDAM.11-003/1/50]

**YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda**

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU  
 TERENGGANU

**WAKAF (TERENGGANU) ENACTMENT 2016****REGISTRATION OF WAKAF (TERENGGANU) REGULATIONS 2019**

---

**ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

---

**PART I****PRELIMINARY***Regulations*

1. Citation and commencement
2. Interpretation

**PART II****PROCEDURE OF REGISTRATION OF WAKAF**

3. Registration of *wakaf* land by transfer
4. Registration of *wakaf* land by vesting method
5. Registration of *wakaf* for movable property
6. Registration of *wakaf* for the property of '*wakaf muaqqat*'
7. Registration of *wakaf* for the property of '*wakaf irsod*'
8. Registration of *wakaf* by way of will

**PART III****PROCEDURE FOR WAKAF KHAS**

9. Registration of *wakaf* to heir
10. Registration of *wakaf khas* for mosque site
11. Registration of *wakaf khas* for surau site
12. Registration of *wakaf khas* for Islamic cemetery site
13. Registration of *wakaf khas* site for other uses

**SCHEDULE**

- FORM 1 (Form of application for *wakaf* immovable property)
- FORM 2 (Form of application for *wakaf* movable property)
- FORM 3 (Form of application for *wakaf* by way of will)

**WAKAF (TERENGGANU) ENACTMENT 2016****REGISTRATION OF WAKAF (TERENGGANU)  
REGULATIONS 2019**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 55(2)(a) and (g) of the *Wakaf (Terengganu) Enactment 2016* [Enactment No. 1 Year 2016], the Majlis with the approval of the Duli Yang Maha Mulia Sultan, make the following regulations:

**PART I****PRELIMINARY****Citation and commencement**

1. (1) These Regulations may be cited as the **Registration of Wakaf (Terengganu) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means the *Wakaf (Terengganu) Enactment 2016*;

“Movable Property” means as are interpreted under section 2 of the Enactment;

“Masjid Committee” means as are given under section 2 of the Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) Enactment 1422H/2001M;

“Vesting” means as are provided under section 416 C of the National Land Code 1965 [Act 56];

“Registrar of Wakaf” means as are provided under paragraph 11(1)(c) of the Enactment;

“Land Administrator” means as are provided under section 5 of the National Land Code 1965 [Act 56];

“Regulation” means the Registration of Wakaf (Terengganu) Regulations 2019;

“Transfer” means as are provided under section 215 of the National Land Code 1965 [Act 56];

“Wakaf to heir” means as are provided under subsection 35(1) of the Enactment.

## PART II

### PROCEDURE OF REGISTRATION OF WAKAF

#### **Registration of *wakaf* land by transfer**

3. This registration shall be executed by Form 14 A of the National Land Code 1965 [Act 56] and fill in the Form 1 and Form 3 in the Schedule as prescribed in these Regulations.

#### **Registration of *wakaf* land by vesting method**

4. (1) The registration of a *wakaf* land by this vesting method involves non-transferable land by the method prescribed in Regulation 3.

(2) The method of registration under these Regulations shall be effected by official letter from the Registrar of *Wakaf* to the Land Administrator by fill in the Form 1 of the Schedule in these Regulations.

#### **Registration of *wakaf* for movable property**

5. (1) Any movable property shall have lawful ownership in accordance with *Hukum Syarak* and the enforceable law at that time.

(2) The movable property which may be registered as a *wakaf* shall fulfill the pillars of *wakaf* in accordance with *syarak* and the property also shall be:

- (i) benefited immediately after *wakaf*;
- (ii) free from restrictions under the charge, liability by other parties and others;
- (iii) used restricted only according to the affirmation of the *waqif*.
- (iv) applicable as far as it may be benefited;
- (v) registered by filling in the Form 2 of the Schedule;
- (vi) transferred to the Majlis if there is a registration document or grant; and
- (vii) all rights of custody, management and all matters related therewith, put under the supervision of the *mauquf alaih*, whilst all records and registration matters are under the supervision of the Majlis.

(3) These Regulations does not apply for the purpose of *wakaf* share, money, gold and silver.

### **Registration of *wakaf* for the property of ‘*wakaf muaqqat*’**

6. (1) The period for the property of *wakaf muaqqat* may be recommended by the *waqif* but is wholly subjected to the decision of the Registrar of *Wakaf*.

(2) The Registrar of *Wakaf* shall immediately upon the *waqif* completed filling in the Form 2 of the Schedule ensure that—

- (i) an agreement signed between the *waqif* and the Majlis within thirty (30) days from the date of Form 2 of the Schedule which contains the enforcement period of the *wakaf* for movable property; and
- (ii) the Majlis may make an application to enter a Trust Caveat within thirty (30) days from the date of Form 2 of the Schedule as provided under section 332 of the National Land Code 1965 for immovable property.

(3) Upon expiry of the time of the *wakaf* property, the property shall be returned to the original owner.

(4) If the *waqif* died during the effective period of the *wakaf*, the property shall continue as a *wakaf* property until expiry of the *wakaf* period.

(5) Notwithstanding the provisions of these Regulations, the Registrar of *Wakaf* shall have full authority over any execution and application under these Regulations.

### **Registration of *wakaf* for the property of ‘*wakaf irsod*’**

7. (1) The Registration of *wakaf irsod* involving the surrender of any land as a *wakaf* by the government shall be made by the method of alienation of government land under section 76 of the National Land Code 1965.

(2) For the purpose of paragraph (1), the Majlis shall submit an application in accordance with section 76 of the National Land Code 1965.

(3) *Wakaf* land other than which had *wakaf* other than subparagraph (1) shall be made by way of registration of the transfer under regulation 3 of these Regulations.

### **Registration of *wakaf* by way of will**

8. (1) An application for registration may be made by the testator through Form 3 of the Schedule in these Regulations.

(2) As soon as Majlis is notified of the death of the *waqif*, the Majlis shall immediately obtain the information of the *waqif* which is the Death Certificate from the National Registration Department for the process of registration of *wakaf* in accordance with the Small Estate (Distribution) Act 1955 or the decision of the Court.

## PART III

### PROCEDURE FOR WAKAF KHAS

#### **Registration of *wakaf* to heir**

9. (1) The registration of this *wakaf* shall be made by Form 1 of the Schedule in these Regulations.

(2) Every application of *wakaf* to heir shall be accompanied with the establishment of the *wakaf* committee for the heir which consist of—

- (i) the Chairman;
- (ii) the Deputy Chairman;
- (iii) Secretary;
- (iv) Treasurer; and
- (v) a minimum of three committee members.

(3) The *wakaf* to heir committee shall after completing its meeting, submit the minutes of the meeting to the *Majlis* at least twice a year.

(4) All gains benefited from *wakaf* shall be charged for zakat to 2.5 percent per year.

#### **Registration of *wakaf khas* for mosque site**

10. (1) Every *wakaf khas* for mosque site shall fulfill the following conditions—

- (i) the land area shall be not less than 3 acres; and
- (ii) the site shall be located in a *qaryah* that still has no mosque.

(2) If this *wakaf* was made without fulfilling the conditions under the paragraph (1), the Registrar of *Wakaf* may change the *mauquf alaih* for the benefit of the existing mosque.

**Registration of *wakaf khas* for surau site**

11. (1) Every *wakaf khas* for the *surau* site shall fulfill the following conditions:

- (i) the minimum area of the land must be capable of being built a *surau* or any other areas which deem fit by the Registrar of *Wakaf*;
- (ii) the distance of the *wakaf* of the *surau* site between the mosque and the existing *surau* shall not be less than 500 meters from all directions.

(2) If this *wakaf* was made not fulfilling the conditions under paragraph (1), the Registrar of *Wakaf* may change the *mauquf alaih* for the benefit of the existing mosque.

**Registration of *wakaf khas* for Islamic cemetery site**

12. (1) The Majlis may accept any of the application of *wakaf khas* for Islamic cemetery site with the following conditions—

- (i) according to the needs and suitability of the local community as deemed necessary by the Registrar of *Wakaf*; and
- (ii) take into consideration the opinion from the Committee of *Khairat Kematian* or the *Masjid* Committee.

(2) The purpose of *wakaf* for Islamic cemeteries shall be stated in general.

**Registration of *wakaf khas* site for other uses**

13. (1) The Majlis may accept any application for registration of *wakaf khas* site for any other uses as long as it does not contradict with the *Hukum Syarak*.

(2) The development of the *wakaf* land shall comply with any enforceable law at that time.

(3) The Majlis is not bind to any financial assistance to develop such lands.

Serial No.

**SCHEDULE****FORM 1**

**WAKAF (TERENGGANU) ENACTMENT 2016**  
**( subsection 16(2) )**

**Registration of Wakaf (Terengganu) Regulations 2019**  
**(Regulation 3,4 dan 9)**

<b>FORM OF APPLICATION FOR WAKAF IMMOVABLE PROPERTY</b>
---

Please attach:

- i) A copy of identification card;
- ii) A copy of grants;
- iii) A copy of the latest tax payment receipt;
- iv) Administrator's letter, if related;
- v) A copy of plan of land showing the division area and the location of the proposed *wakaf* land, if relevant or
- vi) Other related documents.

**PART I**  
**WAQIF INFORMATION**

Name: .....

Accommodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No. (New): ..... Old: .....

Telephone No. (Home): ..... Telephone No. (Office): .....

Telephone No. (Mobile): .....

Name of the heir who can be contacted: ..... (relationship) .....

Telephone No.: .....

**PART II**  
**MAUQUF INFORMATION**  
 Immovable Properties \*(Land/Land and Buildings)

Town/Village/ <i>Mukim</i>	*Lot No./ Plot/P.T	Description and No. Of Title	Total Land Acquisition (Acre/Hectares)	Share of land (if any)	Share by way of <i>Wakaf</i> (Acre/Hectares/ MP)	Registered No. of *lease/ sublease (if any)

**PART III**  
**MAUQUF ALAIH INFORMATION**

Purpose of *wakaf*:
 *Wakaf Am*
 *Wakaf Khas* .....

(Specify)

**PART IV**  
**PLEDGE OF WAKAF**

I..... (name) in *redha* and in good faith and not under any coercion from anyone, *wakaf* the land/land and building as above mentioned because of Allah SWT. If there is an obstacle for this purpose, then the administrator (MAIDAM) reserves the right to change to *wakaf am*.

Signature: .....

Date: .....

PART V  
WITHNESSES INFORMATION

In the presence of witnesses:

Witness (1)

Name: .....

Accommodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No.: ..... Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

Witness (2)

Name: .....

Accommodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No.: ..... Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

OFFICE USE:

Received by:

.....  
(Registrar of Wakaf)

Date: .....

Serial No.

## FORM 2

## WAKAF (TERENGGANU) ENACTMENT 2016

Registration of Wakaf (Terengganu) Regulations 2019  
(Regulation 5 dan 6)**FORM OF APPLICATION FOR WAKAF MOVABLE PROPERTY****PART I**  
*WAQIF INFORMATION*

Name: .....

Accommodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No. (New): ..... Old: .....

Telephone No. (Home): ..... Telephone No. (Office): .....

Telephone No. (Mobile): .....

Name of the heir who can be contacted: ..... (relationship) .....

Telephone No.: .....

**PART II**  
*MAUQUF INFORMATION*  
Movable Property \*(vehicle/etc)

Type of property	Registration No./ record if any	Type of use	Duration of use period	Current valuation

**PART III**  
*MAUQUF ALAIH INFORMATION*Purpose of *wakaf*:*Wakaf Am**Wakaf Khas* .....

(Specify)

**PART IV**  
*PLEDGE OF WAKAF*I..... (name) in *redha* and in good faith and not under any coercion from anyone, *wakaf* the said property as above mentioned because of Allah SWT. If there is an obstacle for this purpose, then the administrator (MAIDAM) reserves the right to determine any decision on such property.

Signature: .....

Date: .....

PART V  
WITHNESSES INFORMATION

In the presence of witnesses:

Withness (1)

Name: .....

Accomodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No.: ..... Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

Withness (2)

Name: .....

Accomodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No.: ..... Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

OFFICE USE:

Received by:

.....

(Registrar of Wakaf)

Date: .....

Hereby attached:

- i) A copy of identification card;
- ii) A declaration to declare that the property is the property of the applicant;
- iii) Other information if relevant.

Date: .....

Signature:.....

Serial No.

## FORM 3

WAKAF (TERENGGANU) ENACTMENT 2016  
[Section 32]Registration of Wakaf (Terengganu) Regulations 2019  
(Regulation 8)**FORM OF APPLICATION FOR WAKAF BY WAY OF WILL****PART I**  
*WAQIF INFORMATION*

Name: .....

Accommodation address: .....

..... Postcode: .....

Identification Card No. (New): ..... Old: .....

Telephone No. (Home): ..... Telephone No. (Office): .....

Telephone No. (Mobile): .....

Name of the heir who can be contacted: ..... (relationship) .....

Telephone No.: ..... Accommodation address .....

**PART II**  
*PROPERTY BY WAY OF WILL*

## Immovable Properties \*(Land/Land and Buildings)

Town/Village/ <i>Mukim</i>	*Lot No./ Plot/PT	Description and No. Of Title	Total Land Acquisition (Acre/Hectares)	Share of land (if any)	Share by way of <i>Wakaf</i> (Acre/Hectares/ MP)	Registered No. of *lease/ sublease (if any)

## Movable Property \*(vehicle/etc)

Type of property	Registration No./ record if any	Type of use	Duration of use period	Current valuation

\*Wakaf by way of will to non-heir shall not exceed 1/3 except with the agreement of the heirs.

\*Wakaf by way of will to heir shall obtain the agreement of all heirs.

**PART III**  
*MAUQUF ALAIH INFORMATION*Purpose of *wakaf*:*Wakaf Am**Wakaf Khas* .....

(Specify)

PART V  
WITHNESSES INFORMATION

In the presence of witnesses:

Withness (1)

Name: .....  
 Accomodation address: .....  
 .....  
 Identification Card No.: ..... Postcode: .....  
 Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

Withness (2)

Name: .....  
 Accomodation address: .....  
 .....  
 Identification Card No.: ..... Postcode: .....  
 Telephone no.: .....

Signature: ..... Date: .....

PART V  
DECLARATION OF WAQIF

I ..... (name) identification card no. ..... do solemnly and sincerely that bad made *wakaf* by way of will for my own property as the above information and I make this solemn declaration conscientiously believing the declaration to be true, and by virtue of the Statutory Declarations Act 1960.

Subscribed and solemnly declared by the above named  
 .....  
 at .....  
 an the State of .....  
 this ..... 20.....

Before me,

(Signature of Session Court Judge,  
Magistrate or Commissioner for Oaths)



OFFICE USE:

Received by:

.....  
 (Registrar of *Wakaf*)

Date: .....

Made  
 [MAIDAM.11-003/1/50]

**YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda**  
 President

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU  
 TERENGGANU

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA